

Detik bersejarah Malaysia

Angkasawan pertama negara mulakan misi penyelidikan di ISS malam esok

12-11 910107 M151

Oleh Norliza Wasilan

KUALA LUMPUR: Malam esok, Malaysia bakal mencipta sejarah dalam bidang aeroangkasa apabila angkasawan pertama negara memulakan misi penyelidikan di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

Penghantaran angkasawan pertama negara itu, sekali gus menempatkan Malaysia dalam kumpulan elit 37 negara di dunia yang berjaya menakluki angkasa lepas sejak kejayaan misi pertama manusia ke cakerawala oleh angkasawan bekas Soviet Union, Yuri Gagarin pada 12 April 1961.

Dengan diiringi doa dan harapan rakyat, angkasawan negara, Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha, 35, atau Kapten Dr Faiz Khaled, 27, akan menyertai misi kapal angkasa Soyuz 15-S ke ISS dari Baikonur Cosmodrome, Kazakhstan

pada jam 9.21 malam esok (waktu Malaysia).

Dr Sheikh Muszaphar dan Dr Faiz sudah diiktiraf sebagai angkasawan atau 'cosmonaut' oleh Agensi Angkasa Lepas Russia (Roskosmos), tetapi siapa yang akan menyertai misi itu akan diketahui empat jam sebelum pelancaran Soyuz.

Detik ini, antara peristiwa terpenting sejak negara mencapai kemerdekaan 50 tahun lalu, akan disiarkan secara langsung menerusi semua saluran televisyen utama tempatan.

Penghantaran angkasawan pertama Malaysia ke stesen penyelidikan yang berlegar pada ketinggian kira-kira 350 kilometer (km) dari bumi serta mengelilingi orbit pada purata kelajuan 27,744 km sejam, turut mencetuskan kebanggaan seluruh rakyat tanpa mengira peringkat umur, bangsa dan agama.

INFO

Angkasawan Malaysia akan menaiki roket Russia, Soyuz untuk ke Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS). Angkasawan akan dipilih antara dua calon hanya beberapa jam sebelum roket dilancarkan.


Pelancar Soyuz R-7A Zemiorka

Ketinggian: 49.3m

3
Membakar 240 saat.

Kapal angkasa Soyuz TMA

ISS



LIHAT MUKA 4




Perjalanan ke angkasa lepas hanya 9 minit

2 Dinyalakan ketika berlepas, membakar untuk 290 saat

1

Empat kuasa penggalak menggunakan cecair oksigen dan kerosin. Penggalak membakar untuk 118 saat sebelum dilepaskan



Dr Sheikh Muszaphar Shukor (*atas*), Kapten Dr Faiz Khaleed

1. Peggy Whitson (*Amerika Syarikat*) – Jurutera Penerbangan Pengganti: **Michael Fincke**

2. Yuri Malechenko (*Russia*) – Komander Soyuz. Pengganti: **Sharizan Sharipov**

3. Sheikh Muszaphar Shukor (*Malaysia*) – Angkasawan. Pengganti: **Faiz Khaleed**

Penghadang haba dengan roket retro untuk mendarat

TUNGGU MASA: Rocket Soyuz-TMA 11 bersiap sedia untuk dilancarkan malam esok.

AFP

Misi dorong rakyat dalami bidang aeroangkasa

DARI MUKA 1

Naib Presiden Bahagian Perkhidmatan Pengurusan Bangunan, Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), Hussin Mohd Ali, 48, berkata Dr Sheikh Muszaphar dan Dr Faiz bakal menjadi legenda negara dan dikenang sebagai pelopor misi angkasa lepas.


“Nama mereka pasti akan meniti di bibir setiap rakyat sama seperti yang berlaku kepada angkasawan Amerika Syarikat, Neil Armstrong yang menjadi manusia pertama mendarat di bulan dengan roket Apollo 11.

“Misi ke angkasa lepas membuka ruang kepada banyak pihak mengembangkan ilmu pengetahuan bukan saja menyentuh sains dan teknologi, tetapi aspek agama contohnya bagaimana menunaikan ibadat sepanjang berada di angkasa lepas,” katanya ketika ditemui *Berita Harian*, semalam.

Juruteru Minyak dan Gas, FMC Technologies, Faizal Jaaffar, 24, berkata program angkasawan itu dapat mengembangkan industri berkaitan angkasa lepas yang sebelum ini janggal kepada sebahagian besar rakyat.

“Dengan adanya rakyat negara ini menjadi angkasawan, kita berharap lebih ramai belia akan meminati bidang aeroangkasa. Mungkin selepas ini bidang berkaitan angkasa lepas akan mendapat tempat di institusi pendidikan tinggi (IPT),” katanya.

Konstabel Polis Bantuan KL Sentral, Hanizam Haron, 27, berkata penganjuran angkasawan itu membuktikan Malaysia memasuki era pemodenan sains



PERSIAPAN AKHIR: Roket Soyuz-TMA 11 dibawa ke tapak pelancaran di Baikonour Cosmodrome, Kazakhstan, semalam.

dan teknologi serta boleh dianggap taraf Amerika Syarikat dan Russia.

Beliau yang tidak pernah terfikir Malaysia akan mempunyai angkasawannya sendiri, percaya misi itu akan menjadi realiti esok.

“Saya memang tidak pernah terfikir ada yang berjaya hingga ke tahap ini. Pada saya ini kejayaan besar kepada negara,” katanya.

Pemilik perniagaan teknologi maklumat (IT), Geosian World Trading, George Liew, 35, berkata walaupun program itu sebelum ini berdepan pelbagai kritikan, angkasawan yang terpilih akan menjulang nama Malaysia.

Dr Sheikh Muszaphar adalah anggota kumpulan krew pertama misi Soyuz TMA-11 selain Yuri Malechenko

(Russia) dan Peggy Whitson (Amerika Syarikat), manakala kumpulan krew kedua terdiri Dr Faiz, Sharizan Sharipov (Russia) serta Michael Fincke. Pihak Russia sudah mencadangkan penganjuran kumpulan krew pertama.

Kedua-dua kumpulan itu kini melalui latihan peringkat akhir, kurang 40 jam sebelum pelancaran dengan tumpuan kepada ulang kaji terperinci, selain latihan simulasi komputer bagi proses pendaratan.

Dr Sheikh Muszaphar atau Dr Faiz adalah dua calon akhir daripada 11,275 calon yang memohon. Pelbagai ujian di lalui sejak Ogos 2005 sehingga diumumkan sebagai dua calon akhir oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 4 Sep-

tember 2006.

Di BAIKONUR (Kazakhstan), Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaluddin Jarjis, berkata kapsul Soyuz sudah dicantumkan dengan roket pelancarnya dan dibawa dengan kereta api khas sejauh lima kilometer dari hangarnya ke tapak pelancaran di Baikonur Cosmodrome.

Beliau dipetik *Bernama* sebagai berkata, roket pelancar itu menjalani proses ditegakkan semalam sebelum pelancarannya ke ISS esok.

“Proses uprighting (penegakan) adalah proses peringkat akhir sebelum dilancarkan. Ketika ini, semua persiapan logistik dan teknikal berhubung roket pelancaran berjalan baik,” katanya.